

Sehingga kini, sebanyak 33 menara komunikasi baharu telah dibina dan diaktifkan di Parlimen Baram, manakala 2 lagi menara komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap pada suku kedua 2017.

Selain itu, sebanyak 4 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Baram.

Bagi kawasan Tinjar dan Baram Tengah pula, satu menara komunikasi sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka siap dilaksanakan pada suku ketiga 2017, manakala satu lagi menara komunikasi kini sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan di kawasan Tinjar dan Baram Tengah.

Pihak MCMC sedang mengkaji keperluan dan kesesuaian lokasi-lokasi tersebut bagi pembinaan menara komunikasi baru di bawah projek peluasan liputan jalur lebar di masa akan datang.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA**

**: DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah yang dihadapi dengan pelaksanaan strategi pengajaran dan pembelajaran baru di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21 bertujuan untuk melahirkan murid yang produktif tinggi, mahir dalam komunikasi, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping menguasai membaca, menulis dan mengira, mereka juga perlu dilengkapi dengan pemikiran kreatif dan kritis, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kolaboratif.

Pelaksanaan pembelajaran abad Ke-21 bukan sahaja mampu memberi kesan kepada peningkatan minat dan keseronokan belajar tetapi juga mampu meningkatkan kreativiti dan kemahiran berkomunikasi murid. Buat

masa ini, penanda aras yang digunakan bagi Kelas Abad ke-21 melihat kepada bentuk PdP yang lebih kreatif dari aspek fizikal seperti susun atur di dalam kelas. Namun secara berperingkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan latihan menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran dengan melatih SISC+ dan SIPartner+ untuk membimbing guru dan sekolah dalam pembelajaran Abad Ke-21.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah secara berterusan bekerjasama dengan semua pihak untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru yang berkaitan untuk pembelajaran Abad Ke-21. Ibu bapa juga digalakkan untuk membantu sekolah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

SOALAN : NO. 172

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keadaan kewangan di semua IPTA dengan semangat mendapat kewangan alternatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha bagi mengurangkan kebergantungan dana awam, Universiti Awam (UA) adalah digalakkan untuk menjana pendapatan sendiri. Pada masa kini, sumber peruntukan UA adalah melalui dana awam sebanyak 80% dan selebihnya melalui penjanaan dari sumber dalaman UA masing-masing.

Antara usaha yang telah dan sedang diambil oleh UA dalam menjana pendapatan sendiri adalah:

- (a) Mempergiatkan lagi usaha menambah pendapatan dalaman dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada seperti menjalankan konsultasi, latihan kursus, penerbitan dan pengkomersilan;
- (b) Menggunakan kepakaran sedia ada daripada sumber manusia dan aset bagi menjana pendapatan dalaman UA;

- (c) Mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA;
- (d) Mengoptimumkan kos dalam pendidikan tinggi melalui perbelanjaan secara berhemah dan cekap tanpa mengurangkan atau menjelaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat; dan
- (e) Melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap danefisien serta meningkatkan produktiviti dan keberkesanannya kos pendidikan tinggi dengan sumber yang terhad.

Hasil daripada usaha berkenaan, 65 peratus UA berjaya menjana pendapatan lebih daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), iaitu 55% bagi kategori Universiti Bukan Penyelidikan dan 10% bagi kategori Universiti Penyelidikan.

Antara hasil kejayaan UA dalam penjanaan pendapatan sendiri adalah:

- (a) UTM di Kuala Lumpur telah berjaya membangunkan 500 unit penginapan dengan pinjaman bank sebanyak RM180 juta;
- (b) UNIMAS mampu membeli 15 buah blok *apartment* perumahan daripada Perumahan Negara dengan harga RM52 juta;
- (c) USM menerima sumbangan daripada Tan Sri Azman Hashim sebanyak RM10 juta bagi Kompleks Sukan Azman Hashim;

- (d) UKM mendapat sumbangan daripada Yayasan Bukhari bagi sebuah auditorium dengan belanja RM40 juta; dan
- (e) UA turut menerima banyak geran dari luar bagi maksud membantu penyelidikan. Geran luar yang diterima oleh UA ialah sebanyak RM461 juta. Ini termasuklah geran daripada industri sebanyak RM237.8 juta. Geran luar yang diterima pula adalah dari Japanese International Company Agency, Japan Look East, Newton Ungku Umar dan Australia-IRU.

Walaupun berlakunya pengurangan Bajet 2017, KPT dan UA sentiasa komited dan terus berusaha untuk memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan dengan lestari.